

KULIAH ZOHOR

“Jangan Menumpah Darah Mukmin Atas Nama Islam”

Masjid Maarof | 30 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

عن أبي المقداد بن الأسود، رضي الله عنه ، قال: قلت لرسول الله صلى الله عليه وسلم : أرأيت إن لقيت رجلاً من الكفار، فاقتتلنا، فضرب إحدى يدي بالسيف، فقطعها، ثم لاذ مني بشجرة، فقال أسلمت لله، أأقتله يا رسول الله بعد أن قالها؟ فقال: "لا تقتله، فإن قتلته، فإنه بمنزلك قبل أن تقتله، وإنك بمنزلة قبل أن يقول كلمته التي قال"

- Al-Miqdad bin Al-Aswad r.a bertanya kepada Rasulullah s.a.w “Apakah pendapatmu jika aku berhadapan dengan seorang lelaki kafir yang berperang. Dia menetak salah satu dari tanganku dengan pedangnya sehingga ia terpotong. Dia kemudian berlindung di belakang pokok dan berkata “Aku memeluk Islam kerana Allah.” Apakah boleh aku bunuh dia, wahai Rasulullah?” Jawab Rasulullah s.a.w “Jangan kau bunuh dia.” Al-Miqdad berkata “Tapi dia telah memotong salah satu dari tanganku, baru kemudian menyatakan keislamannya.” Rasulullah s.a.w bersabda “Jangan bunuh dia. Jika kau bunuh dia, nescaya dia akan mengambil tempat kau sebelum kau membunuhnya (Muslim) dan kau akan mengambil tempat dia sebelum dia menyatakan kata-kata yang ia ucapkan itu (Kafir).” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

عَنْ أَبِي مُوسَى، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " مَنْ حَمَلَ عَلَيْنَا السِّلَاحَ
فَلَيْسَ مِنَّا "

Abdullah b. Umar dan Abu Musa Al-Asy`ari r.a meriwayatkan
bahawa Rasulullah s.a.w bersabda

“Siapa yang mengangkat senjata ke atas kami, maka dia bukan
dari golongan kami.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim)

Pengajaran Hadis

1. Haram membunuh seorang Muslim tanpa sebab yang dibenarkan.
 - hanya boleh berdasarkan sebab-sebab yang jelas, tiada kesamaran atau keraguan sama sekali
 - sehingga Rasulullah s.a.w memerintahkan agar kesamaran (benefit of the doubt) itu berpihak kepada seorang kafir yang memerangi seorang Muslim lalu mengucapkan keislamannya di bawah ancaman pedang, walau ketika berada di tengah peperangan dan baru sahaja melukai Muslim.

2. Angkat senjata ke atas seorang Muslim atau masyarakat Islam sesuatu yang amat ditegah oleh Islam
 - para ulama dahulu amat berhati-hati dalam persoalan perlawanan bersenjata ke atas kelompok Muslim yang lain samada dalam bentuk sebuah pemerintah, pemberontak, lawan politik dan lain-lain.

3. Kefahaman seperti ini amat penting hari ini
 - saban hari berhadapan dengan insiden-insiden pengeboman dan penyerangan atas nama jihad dan Islam yang melibatkan nyawa umat Islam yang lain sebagaimana yang berlaku di Saudi Arabia, Turki, Moroko, Iraq dan Mesir.

4. Sekiranya dalam situasi perang, manfaat keraguan perlu diberi dan sedikit kesamaran dalam situasi yang ekstrem itu tetap menjadi penghalang untuk membunuh, apatah lagi dalam situasi yang melibatkan orang awam yang tidak dikenali akan dirinya dan dalam situasi yang kurang ekstrem dari itu.
5. Membantu menilai pandangan mereka yang membenarkan perbuatan sedemikian dan dengan itu juga membantu untuk membuat pendirian samada untuk menyokong atau mengutuk perbuatan berkenaan.

6. Sentiasa bersifat objektif dan tidak membenarkan emosi menguasai diri
 - harus akur untuk membebaskan seorang yang dahulunya kafir dan telah melukainya kerana telah mengucap keislamannya
 - Islam tidak boleh diamalkan atas dasar marah dan dendam
 - memerlukan disiplin yang tinggi dan sukar, tapi penting
 - gaga berdisiplin dan bersifat objektif akan menatijahkan mudarat yang besar, iaitu jatuh dalam kekufuran

7. Apakah mudarat yang lebih besar bagi seorang Muslim dari mudarat jatuh dalam kekufuran?

KULIAH ZOHOR

“Jangan Bersikap Eksklusif”

Masjid Maarof | 30 Januari 2019

Muhammad Haniff Hassan

ismhaniff@ntu.edu.sg / www.haniff.sg

Matn (Teks) Hadis

أَنَّ أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَكِبَ عَلَى حِمَارٍ عَلَى قَطِيفَةٍ فَدَكِيَتْ، وَأَزْدَفَ أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ وَرِأَاءَهُ، يَعُودُ سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ فِي بَيْتِ الْحَارِثِ بْنِ الْخَزْرَجِ قَبْلَ وَقْعَةِ بَدْرٍ - قَالَ - حَتَّى مَرَّ بِمَجْلِسٍ فِيهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي، ابْنُ سَلُولَ، وَذَلِكَ قَبْلَ أَنْ يُسَلِّمَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي فَإِذَا فِي الْمَجْلِسِ أَخْلَاطٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُشْرِكِينَ عَبَدَةِ الْأَوْثَانِ وَالْيَهُودِ وَالْمُسْلِمِينَ، وَفِي الْمَجْلِسِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ رَوَاحَةَ، فَلَمَّا غَشِيَتِ الْمَجْلِسَ عَجَاجَةُ الدَّابَّةِ خَمَرَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي أَنَّهُ بِرِدَائِهِ، ثُمَّ قَالَ لَا تُعْبِرُوا عَلَيْنَا. فَسَلَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ ثُمَّ وَقَفَ فَتَنَزَلَ فَدَعَاهُمْ إِلَى اللَّهِ، وَقَرَأَ عَلَيْهِمُ الْقُرْآنَ، فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي ابْنُ سَلُولَ أَيُّهَا الْمَرْءُ، إِنَّهُ لَا أَحْسَنَ مِمَّا تَقُولُ، إِنْ كَانَ حَقًّا، فَلَا تُؤْذِينَا بِهِ فِي مَجْلِسِنَا، ارْجِعْ إِلَى رَحْلِكَ، فَمَنْ جَاءَكَ فَاقْضُصْ عَلَيْهِ. فَقَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ رَوَاحَةَ بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَاعْشِنَا بِهِ فِي مَجَالِسِنَا، فَإِنَّا نُحِبُّ ذَلِكَ. فَاسْتَبَّ الْمُسْلِمُونَ وَالْمُشْرِكُونَ وَالْيَهُودُ حَتَّى كَادُوا يَتَنَاقَرُونَ، فَلَمْ يَزَلِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْفَظُهُمْ حَتَّى سَكَنُوا، ثُمَّ رَكِبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَابَّتَهُ فَسَارَ حَتَّى دَخَلَ. يُرِيدُ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَلِيٍّ سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ، فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " يَا سَعْدُ أَلَمْ تَسْمَعْ مَا قَالَ أَبُو حُبَابٍ " قَالَ سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، اغْفُ عَنِّي وَاصْفَحْ عَنِّي، فَوَالَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ، لَقَدْ أَبِي " قَالَ كَذَا وَكَذَا " جَاءَ اللَّهُ بِالْحَقِّ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ، لَقَدْ اضْطَلَحَ أَهْلُ هَذِهِ الْبُحَيْرَةِ عَلَى أَنْ يُتَوَجَّهَ فَيُعَصِّبُونَهُ بِالْعِصَابَةِ، فَلَمَّا أَبِي اللَّهُ ذَلِكَ بِالْحَقِّ الَّذِي أُعْطَاكَ اللَّهُ شَرِقَ بِذَلِكَ، فَذَلِكَ فَعَلَ بِهِ مَا رَأَيْتَ. فَعَفَا عَنْهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Usamah b. Zaid r.a berkata “Satu ketika Nabi s.a.w menaiki seekor keldai yang berpelana permaidani dari Fadak dan memboncengkan Usamah di belakangnya. Tujuannya ialah untuk menziarahi Sa`ad b. Ubadah di Bani Al-Harits bin Al-Khazraj, sebelum berlaku perang Badr. Di tengah jalan, Nabi bertemu dengan majlis orang-orang Yahudi dan di antara mereka Abdullah b. Ubay bin Salul dan ada juga Abdullah b. Rawahah. Apabila majlis itu terkena debu dari keldai Nabi s.a.w, Abdullah b. Ubay menutup hidungnya dengan serbannya sambil berkata “Jangan hamburkan debu kepada kami.” Lalu Nabi s.a.w berhenti, turun dari kenderaannya, lalu mengajak mereka kepada Allah dan membacakan kepada mereka beberapa ayat Al-Quran. Abdullah b. Ubay berkata “Wahai saudara! Tiada yang lebih baik dari ini. Jika apa yang kau katakan itu benar, maka janganlah ganggu majlis kami. Kembalilah ke tempatmu. Siapa yang datang kepadamu ceritakanlah kepadanya.....”

.....Abdullah b. Rawahah menjawab “Ya Rasulullah! Datanglah ke majlis kami ini. Kami suka kedatangan tuan.” Lalu bertengkarlah kaum Muslimin dengan Musyrikin dan Yahudi serta saling memaki, sehingga hampir berkelahi. Nabi s.a.w berusaha untuk menenangkan mereka. Beliau s.a.w lalu menaiki kenderaannya sehingga sampai di rumah Sa`ad b. Ubadah. Lalu Nabi s.a.w bersabda “Wahai Sa`ad! Tidakkah anda mendengar apa yang dikatakan oleh Abu Hubab (Abdullah b. Ubay). Dia berkata begini dan begitu.” Sa`ad berkata “Maafkanlah dia, wahai Rasulullah! Demi Allah, sesungguhnya Allah telah memberikan kepadamu apa yang Dia telah berikan, sedang waktu itu orang-orang di daerah ini telah sepakat untuk melantik dia sebagai pemimpin. Apabila Allah memberikan kepadamu apa yang Dia telah berikan (kepimpinan), dia (Abdullah) berasa marah. Itulah sebab bagi perbuatannya itu. Nabi s.a.w lalu memaafkannya.” (Riwayat Al-Bukhari & Muslim.)

Pengajaran Hadis

1. Gambaran kehidupan sosial masyarakat Islam di Madinah
 - masyarakat Islam Madinah hidup bergaul dengan masyarakat umum
 - sahabat menghadiri majlis-majlis pertemuan dan sosial yang dihadiri sama oleh orang-orang Musyrik dan Yahudi
 - umat Islam bukan masyarakat yang menyendiri.
2. Tapi, tidak harus abaikan tugas bela kebenaran dan tolak kebatilan, suruh kebaikan dan cegah kemunkaran
 - apabila Rasulullah s.a.w diejek, sahabat segera membelanya, walaupun baru tadi duduk bersama dalam satu majlis

3. Perhatikan sikap Rasulullah s.a.w apabila berlaku pertengkaran antara sahabat dan kumpulan Abdullah b. Ubay serta orang-orang Yahudi.
- tidak terus memihak sahabat-sahabatnya yang bangkit membelanya
 - tumpu pada usaha untuk menenangkan semua pihak dan berdamai sehingga keharmonian hidup di Madinah dapat dijaga dan tidak rosak
 - letakkan diri sebagai pemimpin bagi semua pihak, bukan pemimpin bagi masyarakat Islam sahaja
 - contoh bagaimana sepatutnya seorang Muslim itu meletakkan dirinya sebagai pemimpin dalam satu masyarakat majmuk.

4. Sikap pemaaf dan sabar atas gangguan bukan hanya pada ketika lemah, juga pada ketika dia kuat dan berada dalam tampuk kuasa.
5. Contoh jiwa besar (magnanimity) Rasulullah s.a.w.
 - tidak menggunakan kuasa atau menggunakan kebenaran agamanya sebagai justifikasi untuk menekan suara yang membangkang, walau pun itu adalah kebatilan.
6. Tindakan ke atas orang-orang Yahudi dengan menyerang kubu mereka dan menghalau mereka dari Madinah bukan kerana sifat mereka yang sering membangkang, mengkritik dan menyakiti umat Islam, tapi telah melanggar perjanjian yang dipersetujui bersama.

7. Sepanjang Rasulullah s.a.w berkuasa, orang-orang munafik kekal sebagai 'kelompok pembangkang' di Madinah tanpa apa-apa tekanan terhadap perbuatan mereka.

8. Kezaliman dan sikap kuku besi yang dikenakan oleh orang-orang bukan Muslim ke atas Rasulullah s.a.w di Mekah tidak menjadikannya sebagai seorang yang 'kuku besi' pula apabila berada berkuasa kerana dendam atau prasangka ke atas bukan Muslim
 - penting minda yang objektif bagi Muslim.